



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (56)
Tarikh : 9 Ogos 2016

**Ketua Pengarang,
The Borneo Post**



Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE BORNEO POST BERTAJUK
"NRD MUST CLARIFY 'STATELESS' CHILDREN POLICY" BERTARIKH
4 OGOS 2016, KHAMIS- M.S: 6 (HOME)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (N13 Batu Kitang), YB Lo Khare Chiang berkenaan isu kewarganegaraan penduduk di bawah pentadbiran Batu Kitang, Sarawak.

3. Hasil semakan mendapati, penama Jong Chee Kiat, Chan May Ly dan Lee Lee Yuan pernah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan keputusan telah dikeluarkan kepada mereka. Kesemua mereka telah mengemukakan permohonan terkini pada tahun 2013 dan 2014 dan permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pertimbangan dan keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dikemukakan secara bersurat berdasarkan alamat yang diberikan semasa permohonan dibuat.

4. Bagi penama Tsea Shu Shien dan Tsea Xiao Yue pula, mereka perlu hadir ke JPN yang berhampiran agar semakan lanjut dapat dibuat seterusnya menentukan kelayakan permohonan berdasarkan bukti-bukti berdokumen yang mereka miliki.

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT. NO.: AR 4763

5. Ingin dijelaskan, JPN bertanggungjawab dalam menerima dan memproses setiap permohonan taraf kewarganegaraan yang lengkap serta memenuhi syarat seperti mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ingin dijelaskan juga, lahir dan memiliki sijil kelahiran Malaysia bukanlah bermakna seseorang itu berstatus warganegara Malaysia secara automatik kerana ianya bergantung kepada status kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa kandung semasa kelahiran itu berlaku.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBrs. Tuan KPPN
2. YBrs. TKPPN (P)
3. YBhg. Dato' TKPPN (O)